



LAWAT: Dzulkefly (dua, kanan) melawat reruai kesihatan ketika hadir pada Majlis Pembukaan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026 di Dewan Banquet Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Banting, semalam. — Gambar Bernama

Kos rawatan buah pinggang melonjak ke RM3.3 bilion setahun: Dzulkefly

SHAH ALAM: Kos rawatan penyakit buah pinggang kronik (CKD) tahap akhir di Malaysia mencatat peningkatan mendadak kepada RM3.3 bilion setahun ketika ini berbanding RM572 juta pada 2010 susulan, pertambahan kes saban tahun.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata situasi itu mencerminkan beban kewangan yang semakin besar kepada negara selain memberi kesan mendalam kepada kehidupan pesakit.

“Pada 2010, Malaysia membelanjakan RM572 juta untuk rawatan CKD tahap akhir namun hari ini jumlah itu telah melonjak kepada RM3.3 bilion setiap tahun.

“Beban ini bukan sahaja meragut kualiti hidup pesakit tetapi turut menjadi tekanan kewangan yang amat berat kepada negara kita,” katanya ketika berucap bagi merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026 Peringkat Kebangsaan di Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), di sini semalam.

Beliau berkata prevalens

CKD di Malaysia turut mencatat peningkatan membimbangkan daripada sembilan peratus pada 2011 kepada 15.5 peratus pada tahun lepas.

Mengulas lanjut, beliau berkata secara purata 28 rakyat Malaysia didiagnosis dengan kegagalan buah pinggang setiap hari dan terpaksa memulakan rawatan dialisis untuk terus hidup.

“Lebih lima juta rakyat Malaysia kini hidup dengan CKD namun hanya lima peratus sahaja yang menyedarinya. Jika kita gagal bertindak dengan berani hari ini, lebih 106,000 rakyat Malaysia dijangka memerlukan rawatan dialisis menjelang 2040, satu angka yang amat membimbangkan,” katanya.

Sehubungan itu, Dzulkefly berkata kerajaan tidak ketinggalan untuk menekankan kepentingan pencegahan bagi mengurangkan beban penyakit berkenaan.

Beliau berkata faktor utama kegagalan buah pinggang di Malaysia adalah komplikasi penyakit diabetes melitus dan pesakit tidak boleh bergantung kepada dialisis

semata-mata untuk keluar daripada krisis terbabit tanpa menangani akarnya.

“Kerajaan telah menaikkan kadar Cukai Minuman Bergula atau Sugar-Sweetened Beverage (SSB) kepada 90 sen seliter bermula 1 Jan 2025 sebagai langkah mengekang punca utama penyakit itu.

“Hasil kutipan duti eksais minuman bergula pada 2025 mencecah RM54.9 juta dengan RM21 juta disalurkan kembali kepada Kementerian Kesihatan (KKM),” katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata dana berkenaan digunakan untuk membiayai rawatan perencat Sodium-Glucose Cotransporter-2 (SGLT2) yang mampu mengurangkan risiko komplikasi CKD.

Terdahulu, Dzulkefly merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026 Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan Yayasan Buah Pinggang Malaysia (NKF) dan turut hadir Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor Jamaliah Jamaluddin. — Bernama